

# Bulan Muharam

- Hari ini 6 Ogos 2022 bersamaan 8 Muharran 1444H
- 10 Muharam 1444H=8 Ogos 2022 (Isnin) Hari `Asyura

## Peristiwa Bulan Muharam

- Bulan [Muharram](#) atau bulan Suro merupakan bulan yang penting bagi umat [Islam](#).
- Peristiwa penting, seperti hijrahnya Nabi Muhammad SAW ke Madinah, kemenangan Nabi Musa AS atas Fir'aun, dan diselamatkannya Nabi Nuh AS dari bencana banjir yang melanda dunia saat itu.
- Namun, di antara banyaknya peristiwa penting di bulan [Muharram](#), ada pula peristiwa gelap dan menyedihkan bagi umat [Islam](#). Peristiwa itu adalah [Perang Karbala](#) dan terbunuhnya cucu Nabi Muhammad SAW, Husain bin Ali.
- Peristiwa Karbala- Hari Jumaat pd 10 [Muharram](#) 61 H atau pada tanggal 9/10 Oktober 680 M.

- Peristiwa Karbala adalah peperangan antara 10 ribu tentara Bani Umayyah dengan 72–128 orang keluarga keturunan Ali bin Abi Thalib yang terjadi di Karbala, Irak.
- Perang tersebut berakhir dengan tewasnya seluruh pasukan keluarga Ali, kecuali Ali Zainal Abidin sehingga Bani Umayyah menjadi pemenangnya.

- **Sebelum terjadinya perang**

-Muawiyah adalah salah seorang sepupu Uthman bin Affan yang paling berpengaruh dan berkuasa dalam pemerintahan khalifah Utsman, sehingga ia sangat ingin menuntut pembalasan kepada pembunuh khalifah Uthman.

-Ketika itu Ali bin Abi Thalib tidak menyetujui pemberian hukuman kepada pembunuh Utsman yang terlalu cepat karena suasana masih kacau dan panas.

Nas : Bulan Muharram

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ۗ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ ۗ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ

Maksudnya: Sesungguhnya bilangan bulan di sisi Allah S.W.T adalah sebanyak dua belas bulan sebagaimana yang terdapat di dalam kitabullah (Lauh al-Mahfuz) pada hari diciptakan langit-langit dan juga bumi. Di antaranya (bulan-bulan tersebut) adalah empat bulan haram. Demikian itulah agama yang lurus maka janganlah kalian menzalimi diri kalian di dalam bulan-bulan tersebut.

Surah al-Taubah (36)

Rasulullah S.A.W telahpun memberikan penjelasan berkenaan dengan empat bulan haram tersebut dengan sabda baginda:

السَّنَةُ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا مِنْهَا، أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ، ثَلَاثٌ مُتَوَالِيَاتٌ، ذُو الْقَعْدَةِ وَذُو الْحِجَّةِ وَالْمُحَرَّمُ وَرَجَبُ مُضَرَ الَّذِي بَيْنَ جُمَادَى وَشَعْبَانَ

**Maksudnya:** Dalam setahun itu ada dua belas bulan dan di antaranya adalah empat bulan haram. Tiga bulan yang berturut-turut iaitu Zulkaedah, Zulhijjah, dan Muharram serta bulan Rejab yang berada di antara Jamadil Akhir dan juga Syaaban.

Riwayat al-Bukhari (184)

dua nas di atas jelas menunjukkan bahawa bulan Muharram dimuliakan kerana ia termasuk dalam kalangan empat bulan haram yang mana diharamkan untuk berperang pada bulan-bulan haram

-Sangat dihormati dari sudut amalan soleh di dalamnya menjadi besar ganjarannya manakala dosa dan maksiat juga turut menjadi lebih besar di dalam bulan-bulan haram.

- Soalan : Sekiranya saya sudah berpuasa pada 10 Muharam iaitu hari 'asyura, adakah saya juga perlu berpuasa pada hari selepasnya ?

# Galakan Berpuasa Dalam Bulan Muharram

- Di antara amalan soleh yang sangat digalakkan untuk umat Islam lakukan pada bulan Muharram adalah dengan memperbanyakkan berpuasa sunat.
- Rasulullah S.A.W bersabda:
  - أَفْضَلُ الصِّيَامِ بَعْدَ شَهْرِ رَمَضَانَ شَهْرُ اللَّهِ الْمُحَرَّمِ وَإِنَّ أَفْضَلَ الصَّلَاةِ بَعْدَ الْمَفْرُوضَةِ صَلَاةٌ مِنَ اللَّيْلِ
- **Maksudnya:** *Seafdhal-afdhal puasa setelah bulan Ramadhan adalah berpuasa pada bulan Allah al-Muharram dan sesungguhnya solat yang paling afdhal setelah solat fardhu adalah solat malam (Qiyamullail).*
  - Riwayat Abu Daud (2429)

- terdapat sebuah hadis yang menceritakan berkenaan seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah S.A.W tentang bulan apakah yang Rasulullah perintahkan untuk dirinya berpuasa setelah bulan Ramadhan ? Maka jawab baginda S.A.W:
  - *إِنْ كُنْتَ صَائِمًا بَعْدَ شَهْرِ رَمَضَانَ فَصُومِ الْمُحَرَّمَ فَإِنَّهُ شَهْرُ اللَّهِ*
  - Maksudnya: *Sekiranya kamu hendak berpuasa setelah bulan Ramadhan maka berpuasalah kamu pada bulan al-Muharram kerana sesungguhnya ia adalah bulan Allah.*
  - Riwayat al-Tirmizi (741)

- Berdasarkan kepada dua hadis di atas, terdapat dua kelebihan yang terdapat pada bulan Muharram. Ianya seperti berikut:
- Bulan Muharram disebut sebagai bulan Allah yang tidak disebut pada bulan-bulan lain. Umum mengetahui jika sesuatu perkara itu disandarkan kepada Allah maka ianya menjadi suatu yang mulia. Sama seperti Baitullah, Abdullah, Rasulullah, dan seumpamanya.
- Bulan Muharram adalah bulan paling afdhal untuk berpuasa sunat setelah bulan Ramadhan.

# Galakan Berpuasa Hari 'Asyura

- Walaupun berpuasa pada sepanjang bulan Muharram adalah digalakkan, akan tetapi terdapat nas khusus yang menceritakan berkenaan kelebihan berpuasa pada 10 Muharram iaitu hari 'asyura. Ini adalah berdasarkan beberapa riwayat berikut:
- Antaranya adalah sebuah riwayat daripada Abu Qatadah R.A. bahawasanya Rasulullah S.A.W bersabda:
  - *صِيَامُ يَوْمِ عَاشُورَاءَ إِنِّي أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ*
  - **Maksudnya:** *Berpuasa pada hari 'Asyura sesungguhnya aku mengharapkan kepada Allah supaya ia dapat menghapuskan dosa-dosa setahun sebelumnya.*
    - Riwayat Ibn Majah (1738)

- Begitu juga sebuah riwayat daripada Abdullah Ibn Abbas R.anhuma yang berkata;

- *قَالُوا هَذَا يَوْمٌ صَالِحٌ، هَذَا يَوْمٌ نَجَّى اللَّهُ بَنِي قَدِمَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ، فَرَأَى الْيَهُودَ تَصُومُ يَوْمَ عَاشُورَاءَ، فَقَالَ " مَا هَذَا " . فَصَامَهُ وَأَمَرَ بِصِيَامِهِ إِسْرَائِيلَ مِنْ عَدُوِّهِمْ، فَصَامَهُ مُوسَى. قَالَ " فَأَنَا أَحَقُّ بِمُوسَى مِنْكُمْ "*

- **Maksudnya:** *Rasulullah S.A.W datang ke Madinah dan kemudian baginda melihat golongan Yahudi berpuasa pada hari Asyura. Lalu baginda berkata: "Apakah ini?". Mereka pun menjawab: "Ini adalah hari yang baik. Inilah harinya Allah menyelamatkan Bani Israel daripada musuh mereka maka Musa pun berpuasa pada hari tersebut. Lalu baginda bersabda: "Aku lebih berhak ke atas Musa berbanding kamu". Maka baginda pun berpuasa pada hari tersebut dan memerintahkan supaya umatnya berpuasa pada hari itu.*

- Riwayat al-Bukhari (2004)

Kedua-dua hadis di atas jelas menunjukkan bahawa puasa pada hari 'Asyura adalah diperintahkan kepada umat Muhammad S.A.W dan hukumnya adalah sunat.

- Demikian juga sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah Ibn Abbas *R.anhuma*, kata Nabi S.A.W:

- **لَئِنْ بَقِيتُ إِلَى قَابِلٍ لِأَصُومَنَّ التَّاسِعَ**

- Maksudnya: *Sekiranya aku masih hidup pada tahun hadapan nescaya aku akan berpuasa pada hari yang ke 9 (Muharram).*

- Riwayat Muslim (1134)

- Demikian juga ketika Nabi S.A.W memerintahkan untuk berpuasa pada hari 'Asyura, maka para sahabatnya berkata: "Wahai Rasulullah S.A.W, sesungguhnya ia adalah hari yang mana golongan Yahudi dan Nasrani membesarkannya". Maka Rasulullah S.A.W menjawab:

- **فَإِذَا كَانَ الْعَامُ الْمُقْبِلُ - إِنْ شَاءَ اللَّهُ - صُمْنَا الْيَوْمَ التَّاسِعَ**

- Maksudnya: *Apabila datangnya tahun hadapan Insha Allah kita akan berpuasa pada hari yang ke sembilan.*

- Riwayat Muslim (1134)

- Nas-nas di atas jelas menunjukkan bahawa Rasulullah S.A.W memerintahkan kepada kita untuk dilakukan juga puasa sehari sebelum 10 Muharram ataupun sehari selepasnya dengan tujuan untuk menyelisih golongan Yahudi.

- **Pendapat Para Fuqaha**

- Berikut kami nyatakan beberapa pendapat para fuqaha berkenaan isu mengikuti puasa hari 'Asyura dengan berpuasa sehari ataupun selepasnya. Sebahagian para ulama mengatakan bahawa cara mengerjakan puasa 'Asyura itu ada tiga keadaan seperti berikut:
  - Berpuasa sehari sebelumnya atau sehari selepasnya.
  - Berpuasa padanya (10 Muharram) secara tunggal.
  - Berpuasa sehari dan selepasnya.
- Manakala cara terbaik serta paling lengkap untuk melakukannya adalah sebagaimana turutan yang disebutkan oleh Imam Ibn Qayyim al-Jauziyyah di dalam kitabnya *Zaad al-Ma'ad* (2/72) dengan cara seperti berikut:
  - Berpuasa pada hari sebelumnya dan juga hari selepasnya.
  - Berpuasa pada 9 dan 10 Muharram sahaja.
  - Berpuasa pada 10 Muharram sahaja.

# Kesimpulan

- Disunatkan untuk berpuasa pada 9 Muharram atau pada 11 Muharram berserta dengan puasa hari 'Asyura dengan tujuan untuk menyelisihi dan berbeza dengan golongan Yahudi. Kami berdoa semoga Allah S.W.T memberikan kefahaman yang jelas kepada kita semua di samping merezekikan kepada kita semua untuk mengikut petunjuk Rasulullah S.A.W di dalam kehidupan seharian kita.

# Bubur Asyura

- 10 Muharram adalah Hari Asyura. Antara tradisi orang Melayu turun temurun apabila tiba tarikh ini ialah membuat bubur Asyura. Bubur Asyura ialah sejenis makanan yang diperbuat daripada pelbagai campuran ramuan sempena 10 Muharram. Ada yang mengatakan, campuran ramuan hendaklah terdiri daripada 10 jenis bahan makanan, jangan dikurang dan jangan dilebih. Jika tidak, ia tidak dinamakan bubur Asyura.
- Entah dari mana sumbernya saya tidak tahu. Yang pasti, sudah 10 tahun saya tidak merasai keenakan makan bubur Asyura di kampung.
- Mengimbau zaman kanak-kanak di hari Asyura, masih teringat apabila bubur Asyura hampir masak, saya bersama adik-adik dan rakan-rakan, masing-masing dengan memegang tempurung kelapa menyerbu kawah yang berisi bubur yang masih panas. Satu nostalgia yang tidak dilupakan, makan bubur Asyura berpiringkan tempurung dan bersudukan daun kelapa.

- Waktu itu, tidak pernah terlintas di pikiran saya sempena apakah dibuat jamuan bubur Asyura. Adakah ia satu amalan keagamaan atau sekadar adat bangsa? Sehingga apabila masuk ke sekolah menengah dan mendapati jamuan bubur Asyura dijadikan upacara tahunan yang dianjurkan oleh pihak Sekolah. **Dengan sedikit kajian ringkas tentang asal-usul bubur Asyura dalam masyarakat Melayu, mungkin boleh dikatakan kewujudan jamuan bubur Asyura dalam masyarakat Melayu bertitik tolak dari dua sandaran.**

- **Pertama: Cerita Bahtera Nabi Nuh a.s.**

- Banyak laman web menyebut tentang kisah ini. Dinukilkan dalam kitab “Nihayatuz Zain” karangan Syeikh Nawawi Al Banteni, dan di dalam kitab “Nuzhatul Majalis” karangan Syeikh Abdur Rahman Al Ushfuri serta di dalam kitab “Jam’ul Fawaid” karangan Syeikh Daud Al Fathoni. Yang antara lainnya menceritakan bahawa, ketika mana bahtera Nabi Nuh a.s. berlabuh di bukit Juudi pada Hari Asyura’, maka berkatalah ia pada umatnya : “Himpunkan apa yang kamu miliki daripada makanan yang lebih-lebih”. Maka, dibawalah satu genggam daripada kacang Baqila’ iaitu kacang ful (kacang poi) dan satu genggam kacang Adas, Ba’ruz dan hinthoh dan tepung sehingga menjadi tujuh bagai biji-bijian yang dimasak. Maka berkatalah Nabi Nuh A.S : “Masaklah sekeliannya kerana kamu sudah mendapat kesenangan sekarang”.

- **Penilaian:**

- – Cerita seperti ini perlu kepada kajian. Dari manakah sumbernya dan apakah taraf kedudukan kisah ini. Setakat ini saya tidak menemui sebarang petunjuk tentang kisah ini dalam sumber hadis dan atsar. Sesiapa yang menjumpainya, diharap dapat membantu.
- – Jika kisah ini sahih sekalipun, dan kita menerima kaedah ‘Syarak sebelum kita adalah syarak kita juga’, persoalannya adakah makanan yang dibuat oleh Nabi Nuh a.s. adalah satu bentuk jamuan sempena 10 Muharram, atau ia adalah makanan biasa yang berkebetulan pada tarikh 10 Muharram? – Jika benar kisah ini, dan betul istinbat orang Melayu bahawa disunatkan membuat bubur berdasarkan cerita ini, mengapa tidak ada anjuran daripada Nabi SAW atau amalan para sahabat tentang perkara ini?

- **Kedua: Hadis Galakan Memberi Keluasan Kepada Keluarga**

- Mungkin sandaran lain bagi jamuan bubur Asyura ialah hadis-hadis tentang memberi galakan supaya pada hari Asyura hendaklah menghulur dan berkongsi kesenangan dengan kaum keluarga.
- **Hadis yang dimaksudkan ialah:**
- **“Sesiapa memberi keluasan kepada keluarganya pada hari Asyura, maka Allah akan memberi keluasan kepadanya sepanjang tahun itu”.**
- Mungkin kerana mempercayai kelebihan dalam hadis ini, sesetengah orang Islam mahu memberi keluasan kepada kaum keluarga pada hari 10 Muharram, dengan harapan Tuhan akan mempermudah rezekinya sepanjang tahun tersebut. Antara bentuk memberi keluasan ialah mengadakan jamuan makanan.
- Cuma kedudukan hadis ini di sisi ulama hadis adalah paslu atau dhaif. Rujuk: Al-Maudhu'at oleh Ibn Jauzi 2/572, Al-Manar al-Munif oleh Ibn Qayyim 1/111, Al-Fawaid al-Majmu'ah oleh Syaukani 1/98.
- Sekali lagi kita terpaksa terima bahawa jika sandaran mengadakan jamuan bubur Asyura ialah hadis ini, sebenarnya ia adalah hadis yang tidak sahih. Jangan terlalu mengharap kepada fadhilat yang belum pasti kesahihannya.
- Cuma, membuat bubur Asyura itu kalau setakat dijadikan adat, tanpa ada kepercayaan keagamaan, ia bukanlah satu yang salah. Kalau orang Melayu suka berbuka puasa dengan bubur Asyura, buatlah bubur Asyura. Tetapi elakkan kepercayaan yang kurang sahih, seperti mengaitkannya dengan makanan Nabi Nuh a.s. sewaktu berlabuhnya bahtera baginda.  
Wallahu A'lam.

# Nostalgia

- Anak Kelantan seperti saya yang dibesarkan dengan aktiviti bergotong royong mengacau asyura di dalam kawah besar, ianya adalah momen yang sangat istimewa. Kami beramai ramai duduk di luar rumah melihat orang bergilir gilir mengacau asyura.

Sebaik sahaja masak, masing masing bersedia dengan tempurung kelapa untuk mengisi asyura. Tempurung adalah dari kelapa yang digunakan untuk mendapatkan kelapa parut dan santan yang digunakan dalam asyura. Daun kelapa pula dipotong untuk dijadikan sudu. Makan asyura dalam tempurung menggunakan daun kelapa. Haa tak nostalgia ke tu.

- Bahan bubur Asyura : Beras kacang hijau, kacang merah, jagung, ubi keledak, santan Rempah asyura, rebusan daging, tumis bawang.

# 10 Muharam benar/tidak

- umat Islam akan mengingati tarikh 10 Muharram dengan pelbagai amalan dan ibadah yang dilakukan. Apakah keistimewaan dan kelebihan yang ada pada hari ke 10 dalam bulan Muharram?
- Jika mengimbau kembali puluhan tahun yang lalu, sudah menjadi tradisi umat Islam di Malaysia apabila tibanya 10 Muharram, maka kebanyakan dari Ahli Jawatankuasa masjid dan surau bertungkus lumus membuat persiapan untuk menyediakan juadah khusus yang memang terkenal iaitu Bubur Asyura untuk diagih-agihkan kepada orang ramai. Itulah antara adat atau tradisi yang baik yang dilakukan oleh umat Islam di Malaysia bahkan tradisi ini masih wujud sehingga ke hari ini disamping melakukan amal ibadah khusus yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW iaitu berpuasa.

- Adakah puasa yang dilakukan oleh umat Islam pada 10 Muharram merupakan adat tradisi atau sebaliknya?
- Ini kerana ada juga di antara umat Islam yang menganggap ibadah puasa sunat pada hari tersebut sengaja diada-adakan dan tidak ada dalam Islam.
- Malang sekali, kerana ada segelintir dalam kalangan umat Islam di Malaysia telah membawa masuk ajaran menyeleweng syiah ketika sambutan 10 Muharram dengan memukul-mukul dada sambil mengalunkan lagu-lagu dengan senikata untuk memperingati seseorang yang telah meninggal dunia, kononnya untuk mengenang kembali peristiwa Karbala.

- Jika ditinjau lebih jauh, terdapat umat Islam di beberapa negara Asia Barat yang menyambut hari 'Asyura' (10 Muharram) dengan memukul-mukul badan-badan mereka dengan menggunakan senjata tajam seperti pedang, pisau dan alatan lain sehingga luka dan mendatangkan kecederaan yang parah. Malah kanak-kanak dan bayi kecil yang tidak tahu apa-apa turut menjadi mangsa kerakusan ajaran yang jauh tersimpang dari landasan Islam yang sebenar.
- Adakah amal perbuatan sebegini dianjurkan oleh Islam? Sedangkan Islam adalah agama *Rahmatan Lil A'lamin* (rahmat bagi sekalian alam) yang melarang umatnya daripada membinasakan dan mencederakan diri sendiri demi mendapatkan ganjaran dan keredhaan serta rahmat dari Allah SWT.

- Mengimbau semula sejarah 10 Muharram yang dirujuk kepada hadis-hadis Rasulullah SAW adalah penting bagi mencari kebenaran dan merungkai keraguan ummah seterusnya memastikan amalan yang dilakukan oleh umat Islam hari ini bertepatan dengan kehendak syariat Islam dan menjauhi perkara atau amalan yang sengaja diada-adakan.

- Inilah di antara contoh hadis-hadis sahih yang menyebutkan tentang amalan berpuasa pada hari 'Asyura' (10 Muharram).
- Dapat difahami bahawa puasa pada hari 'Asyura' merupakan suatu perkara yang wajib sebelum difardhukan puasa Ramadhan.
- Apabila puasa Ramadhan difardhukan pada tahun ke-2 Hijrah, maka kewajipan ini telah gugur.
- Namun ia tetap digalakkan dan merupakan salah satu daripada sunnah yang sangat dituntut.

- Malahan berpuasa pada hari 'Asyura' (10 Muharram) mempunyai kelebihan dan keistimewaannya yang tersendiri sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Qatadah bahawa Nabi SAW bersabda: *"Puasa hari 'Asyura' itu; sesungguhnya Aku bermohon kepada Allah agar dapat menghapuskan dosa setahun sebelumnya."* (Riwayat: al-Tirmizi).
- Terbuktilah bahawa amalan berpuasa pada hari 'Asyura' atau 10 Muharram merupakan sunnah Nabi SAW. Rasulullah SAW tidak pernah melakukan sesuatu yang boleh merosakkan dan membinasakan diri, apatah lagi menganjurkan kepada umatnya untuk melakukan sedemikian.
- Ternyata amalan atau perbuatan melukai diri dan memukul dada serta perbuatan yang boleh memudaratkan diri dan orang lain, bukanlah datangnya daripada sunnah Rasulullah SAW. Sebaliknya, ia adalah amalan yang menyesatkan.
- Sekiranya ada amalan sebegini daripada Rasulullah SAW, maka adalah lebih afdal Rasulullah SAW meminta para sahabatnya untuk mengingatkan para syuhada yang mati syahid dalam peperangan Badar, Uhud dan peperangan lain.
- Contohnya, Saidina Hamzah RA yang digelar *Asadullah* (Singa Allah), yang syahid dalam peperangan Uhud. Mengapa tidak ditemui hadis-hadis yang menganjurkan amalan sedemikian jika itulah kebenarannya seperti yang dilakukan oleh segelintir umat Islam hari ini ketika tibanya hari ke sepuluh dalam bulan Muharram?

- Ternyata jika umat Islam tidak berpegang teguh dengan Al-Quran dan Al-Sunnah, maka mudahlah mereka hanyut mengikut jalan-jalan syaitan yang sentiasa ingin menyesatkan manusia dari jalan kebenaran.
- Tidak ketinggalan juga ada di antara umat Islam yang menolak Hadis dan sekaligus menolak amalan berpuasa dan kelebihan yang ada pada hari kesepuluh dalam bulan Muharram kononnya kerana ia tidak terdapat dalam al-Quran.
- Justeru, umat Islam hendaklah kembali semula kepada ajaran Islam yang sebenar. Ibubapa hendaklah memainkan peranan untuk memastikan anak-anak mereka mendapat didikan agama yang sempurna agar menjadi benteng daripada pengaruh ajaran dan pemikiran sesat khususnya di Malaysia.
- Sama-samalah kita mencari keberkatan dengan berpuasa sunat bukan sahaja pada 10 Muharram tetapi dianjurkan juga berpuasa pada 9 Muharram berdasarkan hadis:
- *“Ketika Rasulullah SAW berpuasa pada hari Asyura dan menyuruh orang ramai berpuasa, maka para sahabat bertanya: Ya Rasulullah! ‘Asyura adalah hari yang diagung-agungkan oleh orang-orang Yahudi dan Nasrani. Maka baginda bersabda: Jika datang tahun hadapan kita akan berpuasa pada hari Tasu’a (hari ke-9 di bulan Muharam). (Berkata Ibn Abbas Maka belum tiba tahun hadapan, Rasulullah SAW telah wafat”.* (Riwayat Muslim dan Abu Daud)